kompilasi



Hukum Muzik, Nyanyian & Nasyid

"Dan janganlah kamu campur adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak itu sedangkan kamu mengetahuinya."
(Al-Baqarah: 42)

AL-QURAN DAN AS-SUNNAH
vs
MUZIK, NYANYIAN DAN NASYID

Allah ﷻ berfirman:

“Hai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu palajaran dari Tuhanmu dan penyembuh dari penyakit dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang beriman.” (QS. Yunus: 57).

"Dan apakah tidak cukup bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu Al-Kitab, sedangkan dia dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya dalam (Al-Quran) itu terdapat rahmat yang besar dan pelajaran bagi orang yang beriman" (QS. Al-Ankabut: 51)

“Dan taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul-Nya, jika kamu berpaling sesungguhnya kewajiban Rasul Kami hanyalah menyampaikan (amanat Allah) dengan terang.” (QS. At Taghaabun, 12)

“…dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya jika kamu adalah orang-orang yang beriman." (QS. Al Anfaal, 1)

Dari Nukman bin Basyir, bahawa sesungguhnya Nabi ﷺ bersabda:

“Yang halal itu sudah jelas dan yang haram pun sudah jelas, dan di antara keduanya itu ada perkara-perkara yang syubahat, maka jika sesuatu yang syubahat itu dianggap suatu dosa yang harus dijauhi, maka yang sudah jelas harus lebih dijauhi, dan barangsiapa memberanikan diri mengamalkan dosa yang masih ragu-ragu maka hampir-hampir ia jatuh kepada dosa yang sudah jelas; sedang ma’ashi itu adalah larangan Allah, siapa yang mengembala dekat dengan (kawasan) larangan maka hampir-hampir ia jatuh ke dalamnya.” (HR. Ahmad, Bukhari dan Muslim)

Nyanyian Dan Muzik Dalam Islam

Idral Haris (murid Syaikh Muqbil Yaman)

Hati bagaikan seorang raja atau panglima perang yang mengawasi perajurit dan tentaranya. Dari hatilah bersumber segala perintah terhadap anggota badan.

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

> **"Ketahuilah bahawa dalam tubuh ini terdapat segumpal daging. Jika ia baik maka baik pula seluruh tubuh ini. Dan sebaliknya apabila ia rusak maka rusak pula seluruh tubuh ini." (HR. Bukhari 1/126 dan 4/290-Al Fath, Muslim 1599 dari Nu'man bin Basyir radliyallahu 'anhuma)**

Seandainya kita mencermati kenyataan yang ada, akan jelas bagi kita bahawa nyanyian dan muzik itu menghalangi hati dari (memperhatikan dan memahami) Al Quran. Bahkan keduanya mendorong untuk terpesona menatap kefasikan dan kemaksiatan. Oleh sebab itulah sebahagian ulama menyebutkan nyanyian dan muzik-muzik ini bagaikan quran-nya syaitan atau tabir yang menghalangi seseorang hamba dari Ar Rahman. Sebahagian mereka menyerupakannya dengan mantera yang menggiring orang melakukan perbuatan liwath (homoseks atau lesbian) dan zina.

Kalaupun mereka mendengar Al Quran (dibacakan), tidaklah berhenti gerak mereka dan ayat-ayat itu tidak berpengaruh bagi perasaannya. Sebaliknya apabila dilantunkan sebuah lagu niscaya akan masuklah nyanyian itu dengan segera ke dalam pendengarannya, terbesit dari kedua matanya ungkapan perasaannya, kakinya bergoyang-goyang, menghentak-hentak ke lantai, tangannya bertepuk gembira, dan tubuhnya meliuk menari-nari, api syahwat kerinduan dalam dirinya pun memuncak.

Hendaknya ini menjadi perhatian kita. Adakah pernah timbul rasa rindu ketika kita mendengar ayat-ayat Al Quran dibacakan? Pernahkah muncul perasaan (haru dan tunduk atau khusyu') yang dalam saat kita membacanya? Cuba bandingkan tatkala kita mendengarkan nyanyian dan alat muzik!

Dalil-Dalil dari Al-Quran

1. Firman Allah Ta'ala:

﴿وَمِنَ النَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ الْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ اللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُولَئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ﴾ (6) سورة لقمان

"Dan di antara manusia (ada) orang yang membeli lahwal hadis (perkataan yang tidak berguna) untuk menyesatkan (manusia) dari jalan Allah tanpa ilmu dan menjadikan jalan Allah itu olok-olokan, mereka itu akan memperoleh azab yang menghinakan " (QS. Luqman: 6)

Al Wahidi dalam tafsirnya menyatakan bahawa kebanyakan para mufassir mengertikan **"lahwal hadis"** dengan **"nyanyian"**.

Penafsiran ini disebutkan oleh Ibnu Abbas radliyallahu 'anhu. Dan kata Imam Al Qurthubi dalam tafsirnya, Jami' Ahkamul Quran, penafsiran demikian lebih tinggi dan utama kedudukannya.

Hal itu ditegaskan pula oleh Imam Ahmad Al Qurthubi, Kasyful Qina' halaman 62, bahawa di samping diriwayatkan oleh banyak ahli hadis, penafsiran itu disampaikan pula oleh orang-orang yang telah dijamin oleh Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam dengan doa beliau:

"Ya Allah, jadikanlah dia (Ibnu Abbas) faham terhadap agama ini dan ajarkanlah dia ta'wil (penafsiran Al Quran)." (HR. Bukhari 4/10 dan Muslim 2477 dan Ahmad 1/266, 314, 328, 335)

Dengan adanya doa ini, para ulama dari kalangan sahabat memberikan gelar kepada Ibnu Abbas dengan Turjumanul Quran (penafsir Al Quran).

Juga pernyataan Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam tentang Ibnu Mas'ud:

"Sesungguhnya ia pentalkin[1] yang mudah difahami." (Kasyfu Qina' halaman 62)

Ibnu Mas'ud menerangkan bahawa **"lahwul hadis" itu adalah al ghina'**. (Lihat: Tafsir Ibnu Katsir: 6/333.)

> *"Demi Allah, yang tiada sesembahan yang haq selain Dia, diulang-ulangnya tiga kali."*

Riwayat ini sahih dan telah dijelaskan oleh Syaikh Nashiruddin Al Albani dalam Tahrim 'alath Tharb halaman 143. Demikian pula keterangan 'Ikrimah dan Mujahid.

Al Wahidi dalam tafsirnya (Al Wasith 3/411) menambahkan:

> *"Ahli Ilmu Ma'ani menyatakan, ini termasuk semua orang yang cenderung memilih permainan dan al ghina' (nyanyian), seruling-seruling, atau alat-alat muzik daripada Al Quran, meskipun lafadhnya dengan kata al isytira', sebab lafadh ini banyak dipakai dalam menerangkan adanya penggantian atau pemilihan." (Lihat Tahrim 'alath Tharb halaman 144-145)*

2. Firman Allah ta'ala:

Dalam ayat yang lain **Allah** berfirman kepada syaitan:

﴿ واستفزز من استطعت منهم بصوتك ﴾

> *"Dan hasunglah siapa saja yang kau sanggupi dari mereka dengan suaramu." (QS. Al Isra': 65)*

Ibnu Abbas r.a mengatakan:

> *"Suaramu dalam ayat ini adalah segala yang membawa kepada kemaksiatan."*

Ibnul Qayyim menambahkan bahawa:

> *Al ghina' adalah da'i (penyeru) yang paling besar pengaruhnya dalam mengajak manusia kepada kemaksiatan. (Mawaridul Aman halaman 325)*

Mujahid, pemimpin para ahli tafsir (murid Ibnu Abbas r.a) menyatakan bahawa ***Suaramu disini ertinya Al-Ghina (nyanyian) dan Al-Bathil.***

Hasan Al-Basri berkata bahawa ayat ini turun dalam masalah muzik dan lagu. **Ibnu Qayyim** menambahkan keterangan dari Hasan Al-Basri bahawa suaramu dalam ayat ini adalah duff (rebana).

3. Firman Allah ta'ala:

> *"Maka apakah terhadap berita ini kamu merasa hairan. Kamu tertawa-tawa dan tidak menangis? Dan kamu bernyanyi-nyanyi?" (QS. An Najm: 59-61)*

Kata '**Ikrimah --dari Ibnu Abbas--,** ***as-sumud*** ertinya ***al-ghina'*** menurut dialek Himyar. Dia menambahkan ***Jika mendengar Al Quran dibacakan, mereka bernyanyi-nyanyi, maka turunlah ayat ini.***

Ibnul Qayyim menerangkan bahawa penafsiran ini tidak bertentangan dengan pernyataan bahawa as sumud ertinya lalai dan lupa. Dan tidak pula menyimpang dari pendapat yang mengatakan bahawa erti "kamu bernyanyi-nyanyi" di sini adalah kamu menyombongkan diri, bermain-main, lalai, dan berpaling. Kerana semua perbuatan tersebut terkumpul dalam al ghina' (nyanyian), bahkan ia merupakan pemicu munculnya sikap tersebut. (Mawaridul Aman halaman 325)

Imam Ahmad Al Qurthubi menyimpulkan keterangan para mufassir ini dan menyatakan bahawa segi pendalilan diharamkannya al ghina' adalah kerana posisinya disebutkan oleh Allah sebagai sesuatu yang tercela dan hina. (Kasyful Qina' halaman 59)

Dalil-Dalil dari As Sunnah

1. Dari **Abi 'Amir --Abu Malik-- Al Asy'ari**, dari **Rasulullah** Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam beliau bersabda:

> *"Sungguh akan ada di kalangan umatku suatu kaum yang menganggap halalnya zina, sutera, khamr, dan alat-alat muzik … ." (HR. Bukhari 10/51/5590-Fath)*

2. Dari **Abi Malik Al Asy'ari** dari **Nabi** Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam beliau bersabda:

> *"Sesungguhnya akan ada sebahagian manusia dari umatku meminum khamr yang mereka namakan dengan nama-nama lain, kepala mereka bergoyang-goyang kerana alat-alat muzik dan penyanyi-penyanyi wanita, maka Allah benamkan mereka ke dalam perut bumi dan menjadikan sebahagian mereka kera dan babi." (HR. Bukhari dalam At Tarikh 1/1/305, Al Baihaqi, Ibnu Abi Syaibah dan lain-lain. Lihat Tahrim 'alath Tharb oleh Syaikh Al Albani halaman 45-46)*

3. Dari **Anas bin Malik** berkata:

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

> *Dua suara terlaknat di dunia dan di akhirat: "Seruling-seruling (muzik-muzik atau nyanyian) ketika mendapat kesenangan dan rintihan (ratapan) ketika mendapat musibah." (Dikeluarkan oleh Al Bazzar dalam Musnad-nya, juga Abu Bakar Asy Syafie, Dliya' Al Maqdisy, lihat Tahrim 'alath Tharb oleh Syaikh Al Albani halaman 51-52)*

4. Dari **'Abdurrahman bin 'Auf ia** berkata: Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

> *"[(kamu) menangis, tapi saya melarangmu dari dua suara (yang menunjukkan) kedunguan dan kejahatan, iaitu suara ketika gembira, iaitu bernyanyi-nyanyi, bermain-main, dan seruling-seruling syaitan dan suara ketika mendapat musibah, memukul-mukul wajah, merobek-robek baju, dan ratapan-ratapan syaitan." (Dikeluarkan oleh Al Hakim, Al Baihaqi, Ibnu Abiddunya, Al Ajurri, dan lain-lain, lihat Tahrim 'alath Tharb halaman 52-53)*

5. Dari **Ibnu Abbas**, ia berkata bahawa **Rasulullah** Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

> *"Sesungguhnya Allah telah mengharamkan bagiku --atau mengharamkan-- khamr, judi, al kubah (gendang), dan seluruh yang memabukkan haram." (HR. Abu Dawud, Al Baihaqi, Ahmad, Abu Ya'la, Abu Hasan Ath Thusy, Ath Thabrani dalam Tahrim 'alath Tharb halaman 55-56)*

6. Dari '**Imran Hushain** ia berkata: **Rasulullah** Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam bersabda:

> *"Akan terjadi pada umatku, lemparan batu, perubahan bentuk, dan tenggelam ke dalam bumi." Dikatakan: "Ya Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam, kapan itu terjadi?" Beliau menjawab: "Jika telah tampak alat-alat muzik, banyaknya penyanyi wanita, dan diminumnya khamr-khamr." (Dikeluarkan oleh Tirmizi, Ibnu Abiddunya, dan lain-lain, lihat Tahrim 'alath Tharb halaman 63-64)*

7. Dari **Nafi' maula Ibnu 'Umar**:

> *Ia bercerita bahawa Ibnu 'Umar pernah mendengar suara seruling gembala lalu ('Umar) meletakkan jarinya di kedua telinganya dan pindah ke jalan lain dan berkata: "Wahai Nafi', apakah engkau mendengar?" Aku jawab: "Ya." Dan ia terus berjalan sampai kukatakan tidak. Setelah itu ia letakkan lagi tangannya dan kembali ke jalan semula. Lalu beliau berkata: "Kulihat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam mendengar suling gembala lalu berbuat seperti ini." (Dikeluarkan oleh Abu Dawud 4925 dan Baihaqi 10/222 dengan sanad hasan)*

Imam Ibnul Jauzi dalam Talbis Iblis (Muntaqa Nafis halaman 304) mengomentari hadis ini sebagai berikut:

> *"Jika seperti ini yang dilakukan mereka terhadap suara-suara yang tidak menyimpang dari sikap-sikap yang lurus, maka bagaimanakah dengan nyanyian dan muzik-muzik orang zaman sekarang (zaman beliau rahimahullah, apalagi di zaman kita, pent.)?"*

Dan **Imam Ahmad Al Qurthubi** dalam Kasyful Qina' halaman 69 menyatakan:

> *"Bahawa pendalilan dengan hadis-hadis ini dalam mengatakan haramnya nyanyian dan alat-alat muzik, hampir sama dengan segi pendalilan dengan ayat-ayat Al Quran. Bahkan dalam hadis-hadis ini disebutkan lebih jelas dengan adanya laknat bagi penyanyi maupun yang mendengarkanya."*

Di dalam hadis pertama, Imam Al Jauhari menyatakan

> *Dalam hadis ini, digabungkannya penyebutan al ma'azif dengan khamr, zina, dan sutera menunjukkan kerasnya pengharaman terhadap alat-alat muzik dan sesungguhnya semua itu termasuk dosa-dosa besar. (Kasyful Qina' halaman 67-69)*

Dalil-dalil dari Atsar Ulama Salaf

Ibnu Mas'ud menyebutkan:

> *"Nyanyian menumbuhkan kemunafikan dalam hati seperti air menumbuhkan tanaman." Ini dikeluarkan oleh Ibnu Abiddunya dan dikatakan sahih isnadnya oleh Syaikh Al Albani dalam Tahrim 'alath Tharb (halaman 145-148), ucapan seperti ini juga dikeluarkan oleh Asy Sya'bi dengan sanad yang hasan.*

Dalam Al Muntaqa halaman 306, Ibnul Jauzi menyebutkan pula bahawa Ibnu Mas'ud berkata:

> *"Jika seseorang menaiki kendaraan tanpa menyebut nama Allah, syaitan akan ikut menyertainya dan berkata, 'bernyanyilah kamu!' Dan apabila ia tidak mampu memperindahnya, syaitan berkata lagi: 'Berangan-anganlah kamu (mengkhayal)'." (Dikeluarkan oleh Abdul Razzaq dalam Al Mushannaf 10/397 sanadnya sahih)*

Pada halaman yang sama beliau sebutkan pula keterangan

> *Ibnu 'Umar ketika melewati sekelompok orang yang berihram dan ada seseorang yang bernyanyi, ia berkata: Beliau berkata: "Ketahuilah, Allah tidak mendengarkanmu!" Dan ketika melewati seorang budak perempuan bernyanyi, ia berkata: "Jika syaitan membiarkan seseorang, tentu benar-benar dia tinggalkan budak ini."*

Dalam kitab yang sama beliau (Ibnul Jauzi) melanjutkan:

> *Al Qasim bin Muhammad bin Abi Bakr ditanya tentang nyanyian. Ia menjawab: "Saya melarangmu dari nyanyian dan membencinya untukmu." Orang itu bertanya: "Apakah nyanyian itu haram?" Al Qasim menukas: "Wahai anak saudaraku, jika Allah memisahkan al haq (kebenaran) dan al bathil (kebathilan) pada hari kiamat, maka di manakah nyanyian itu berada?"*

Ibnu Abbas juga pernah ditanya demikian dan balik bertanya:

> *"Bagaimana pendapatmu jika al haq dan al bathil datang beriringan pada hari kiamat, maka bersama siapakah al ghina' (nyanyian) itu?" Si penanya menjawab: "Tentu saja bersama al bathil." Kemudian Ibnu Abbas berkata: "(Benar) pergilah! Engkau telah memberikan fatwa (yang tepat) untuk dirimu."*

Dan **Ibnul Qayyim** menerangkan bahawa jawaban Ibnu Abbas ini berkenaan dengan nyanyian orang Arab yang bebas dan bersih dari pujian-pujian dan penyebutan terhadap

minuman keras atau hal-hal yang memabukkan, zina, homoseks, atau lesbian, juga tidak mengandung ungkapan mengenai bentuk dan rupa wanita yang bukan mahram dan bebas pula dari iringan muzik, baik yang sederhana sekalipun, seperti ketukan-ketukan ranting, tepukan tangan, dan sebagainya.

Dan tentunya jawaban beliau ini akan lebih keras dan tegas seandainya beliau melihat kenyataan yang ada sekarang ini.

Syaikh Ali Hasan Abdul Hamid mengomentari jawaban ini dan menyatakan bahawa jawaban ini (jawaban Al Qasim dan Ibnu Abbas) adalah jawaban bijak dan sangat tepat. (Lihat Muntaqa Nafis halaman 306)

Ibnu Baththah Al Ukbari (ketika ditanya tentang mendengarkan nyanyian) berkata:

> *"Saya melarangnya, saya beritahukan padanya bahawa mendengarkan nyanyian itu diingkari oleh ulama dan dianggap baik oleh orang-orang tolol. Yang melakukannya adalah orang-orang sufi yang dinamai para oleh muhaqqiq sebagai orang-orang Jabriyah. Mereka adalah orang-orang yang rendah kemauannya, senang mengadakan bid'ah, menonjol-nonjolkan kezuhudan, … ." (Muntaqa Nafis halaman 308)*

Asy Sya'bi mengatakan bahawa

> *Orang-orang yang bernyanyi dan yang (mengundang) penyanyi untuk dirinya pantas untuk dilaknat. (Dikeluarkan oleh Ibnu Abiddunya, lihat Kasyful Qina' halaman 91 dan Muntaqa Nafis min Talbis Iblis halaman 306)*

Fudhail bin 'Iyad mengatakan bahawa

> *al ghina' (nyanyian) adalah mantera zina. (Kasyful Qina' halaman 90 dan Mawaridul Aman: 318)*

Dalam kitab yang sama (halaman 318), disebutkan pula nasihat **Yazid Ibnul Walid** kepada pemuka-pemuka Bani Umayah:

> *"Wahai Bani Umayah, hati-hatilah kamu terhadap al ghina', sebab ia mengurangi rasa malu, menghancurkan kehormatan dan harga diri, dan menjadi pengganti bagi khamr, sehingga pelakunya akan berbuat sebagaimana orang yang mabuk khamr berbuat. Oleh kerana itu, kalau kamu merasa tidak dapat tidak (mesti) bernyanyi juga, jauhilah perempuan, kerana nyanyian itu mengajak kepada perzinaan."*

Ad Dahhak menegaskan:

> *"Nyanyian itu menyebabkan kerusakan bagi hati dan mendatangkan murka Allah." (Muntaqa Nafis halaman 307)*

Dalam kitab yang sama, Umar bin Abdul Aziz menulis surat kepada guru-guru anaknya:

> *"Hendaklah yang pertama kau tanamkan dalam pendidikan akhlaknya adalah benci pada alat-alat muzik, kerana awalnya (permainan muzik itu) adalah dari syaitan dan kesudahannya adalah kemurkaan Ar Rahman Azza wa Jalla."*

Imam Abu Bakar Ath Thurthusi dalam khutbah (kata pengantar) kitabnya, Tahrimus Sima', menyebutkan:

[… oleh kerana itu saya pun ingin menjelaskan yang haq dan mengungkap syubhat-syubhat yang bathil dengan hujjah dari Al Quran dan As Sunnah. Akan saya mulai dengan perkataan para ulama yang berhak mengeluarkan fatwa ke seluruh penjuru dunia agar orang-orang yang selama ini secara terang-terangan menampakkan kemaksiatan (bernyanyi dan bermain muzik) sadar bahawa mereka telah teramat jauh menyimpang dari jalan kaum Mukminin. Allah ta'ala berfirman:

> *"Dan siapa yang menentang Rasul setelah jelas bagi mereka petunjuk serta mengikuti jalan yang bukan jalannya kaum Mukminin, Kami biarkan dia memilih apa yang diingini nafsunya dan Kami masukkan dia ke jahanam sedangkan jahanam itu adalah sejelek-jelek tempat kembali." (QS. An Nisa': 115)]*

Selanjutnya beliau **(Imam Ath Thurthusi)** menyebutkan bahawa

Imam Malik melarang adanya nyanyian dan mendengarkannya. Menurut Imam Malik, apabila seseorang membeli budak wanita dan ternyata ia penyanyi, hendaklah segera dikembalikan, sebab hal itu merupakan aib. Ketika beliau ditanya tentang adanya rukhshah (keringanan) yang dilakukan (sebahagian) penduduk Madinah, beliau menjawab: "Yang melakukannya (bernyanyi dan bermain muzik) di kalangan kami adalah orang-orang fasik."

Imam Abu Hanifah dan Ahli Bashrah maupun Kufah, seperti Sufyan Ats Tsauri, Hammad, Ibrahim An Nakha'i, Asy Sya'bi, dan lain-lain membenci al ghina' dan menggolongkannya sebagai suatu dosa dan hal ini tidak diperselisihkan di kalangan mereka. Mazhab Imam Hanafi ini termasuk mazhab yang sangat keras dan pendapatnya paling tegas dalam perkara ini. Hal ini ditunjukkan pula oleh sahabat-sahabat beliau yang menyatakan haramnya mendengarkan alat-alat muzik, walaupun hanya ketukan sepotong ranting. Mereka menyebutnya sebagai kemaksiatan, mendorong kepada kefasikan, dan ditolak persaksiannya.

Intisari perkataan mereka adalah:

Sesungguhnya mendengar nyanyian dan muzik adalah kefasikan dan bersenang-senang menikmatinya adalah kekufuran. Inilah perkataan mereka meskipun dengan meriwayatkan hadis-hadis yang tidak tepat apabila dinisbatkan (disandarkan) kepada Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wa Sallam.

Mereka (ulama mazhab Hanafi) juga menyeru agar seseorang berusaha dengan sungguh-sungguh untuk tidak mendengarkan jika melewatinya atau jika bunyi muzik itu kebetulan berada di rumah tetangganya. Hal ini pernah dilakukan Abu Yusuf ketika mendengar ada yang bernyanyi dan bermain muzik di sebuah rumah, beliau berkata:

"Masuklah dan tidak perlu izin, kerana mencegah kemungkaran adalah fardhu (wajib). Maka jika tidak boleh masuk tanpa izin, terhalanglah bagi manusia menegakkan kewajiban ini."

Kemudian Imam Ath Thurthusi melanjutkan pula keterangannya bahawa **Imam Syafie dalam kitab Al Qadla, Al Umm (6/214)** menegaskan

"Sesungguhnya al ghina' adalah permainan yang dibenci dan menyerupai kebathilan bahkan merupakan sesuatu yang mengada-ada. Siapa yang terus-menerus (sering) bernyanyi maka ia adalah orang dungu dan ditolak persaksiannya."

Para sahabat Imam Syafie yang betul-betul memahami ucapan dan istinbath (pengambilan kesimpulan dari dalil),

> *Mazhab beliau dengan tegas menyatakan haramnya nyanyian dan muzik dan mereka mengingkari orang-orang yang menyandarkan kepada beliau (Imam Syafie) mengenai penghalalannya. Di antara mereka adalah Qadly Abu Thayyib Ath Thabari, Syaikh Abi Ishaq, dan Ibnu Shabbagh. Demikian pernyataan Imam Ath Thurthusi rahimahullah. (Mawaridul Aman Muntaqa min Ighatsati Lahfan halaman 301)*

Ibnul Qayyim menyebutkan bahawa Imam Ibnu Shalah dalam fatwanya menyatakan:

> *"Adapun yang perlu diketahui dalam permasalahan ini adalah bahawa sesungguhnya duf (rebana), alat muzik tiup, dan nyanyian-nyanyian, jika terkumpul (dilakukan/dimainkan secara bersamaan) maka mendengarkannya haram, demikian pendapat para imam mazhab dan ulama-ulama Muslimin lainnya.*

Dan tidak ada keterangan yang dapat dipercaya dari seseorang dalam ijma' maupun ikhtilaf bahawa ia (Imam Syafie) membolehkan keduanya (nyanyian dan muzik).

Adapun persaksian yang dapat diterima beritanya dari sahabat-sahabat beliau adalah dalam permasalahan 'bagaimana hukum masing-masingnya bila berdiri sendiri, terompet sendiri, duff sendiri?'

Maka siapa saja yang tidak memiliki kemampuan mendapatkan keterangan rinci tentang hal ini dan tidak memperhatikannya dengan teliti, bisa jadi akan meyakini adanya perselisihan di kalangan ulama mazhab Syafie dalam mendengar seluruh alat-alat muzik ini. Hal ini adalah kekeliruan yang nyata dan oleh sebab itu, hendaknya ia mendatangkan dalil-dalil syar'i dan logis. Sebab tidaklah semua perselisihan itu melegakan dan bisa jadi

pegangan. Maka siapa saja yang meneliti adanya perselisihan ulama dalam suatu persoalan dan mengambil keringanan (rukhshah) dari pendapat-pendapat mereka, bererti ia terjerumus dalam perbuatan zindiq atau bahkan hampir menjadi zindiq." (Mawaridul Aman 303)

Syaikh Ali Hasan Abdul Hamid Al Atsari hafidhahullah mengomentari pernyataan Ibnul Qayyim ini dengan menukil riwayat Al Khalal (dalam Al Amru bil Ma'ruf) dari Sulaiman At Taimy yang mengatakan: "Kalau kamu mengambil setiap keringanan (rukhshah) dari seorang alim atau kekeliruannya, bererti telah terkumpul pada dirimu seluruh kejahatan." (Lihat Mawaridul Aman halaman 303)

Diriwayatkan dari **Imam Syafie** secara mutawatir bahawa beliau berkata:

> *"Saya tinggalkan di Baghdad sesuatu yang diada-adakan oleh orang-orang zindiq, mereka menamakannya at taghbir dan menghalangi manusia --dengannya-- dari Al Quran." (Juz'uttiba' As Sunan Wajtinabil Bida' oleh Dliya' Al Maqdisi dalam Mawaridul Aman halaman 304)*

Ditambahkan pula oleh **Abu Manshur Al Azhari** (seorang imam ahli lughah dan adab **bermazhab Syafie**, wafat tahun 370 H):

> *"Mereka menamakan suara yang mereka perindah dengan syair-syair dalam berzikrullah ini dengan taghbir, seakan-akan mereka bernyanyi ketika mengucapkannya dengan irama yang indah, kemudian mereka menari-nari lalu menamakannya mughbirah." (Talbis Iblis halaman 230 dalam Kasyful Qina' halaman 54)*

Maka kalaulah seperti ini ucapan beliau terhadap at taghbir dengan 'illahnya (alasan) kerana menghalangi manusia dari Al Quran, --padahal at taghbir itu berisi syair-syair yang mendorong untuk zuhud (tidak butuh) terhadap dunia, para penyanyi mendendangkannya sementara hadirin mengetuk-ngetuk sesuatu atau dengan mendecakkan mulut sesuai irama lagu--, maka bagaimana pula ucapan beliau apabila mendengar nyanyian yang ada di zaman ini, at taghbir bagi beliau bagai buih di lautan dan meliputi berbagai kejelekan bahkan mencakup segala perkara yang diharamkan?!

Adapun **mazhab Imam Ahmad** sebagaimana dikatakan Abdullah, puteranya:

> *"Saya bertanya pada ayahku tentang al ghina' menumbuhkan kemunafikan dalam hati, ini tidaklah menghairankanku." (Lihat Mawaridul Aman 305)*

Pada kesempatan lain, beliau berkata:

> *"Saya membencinya. Nyanyian itu adalah bid'ah yang diada-adakan. Jangan bermajlis dengan mereka (penyanyi)." (Talbis Iblis halaman 228 dalam Kasyful Qina' halaman 52)*

Ibnul Jauzi menerangkan:

> ***"Sesungguhnya nyanyian itu mengeluarkan manusia dari sikap lurus dan merubah akalnya. Maksudnya, jika seseorang bernyanyi (bermain muzik), bererti ia telah melakukan sesuatu yang membuktikan jeleknya kesihatan akalnya, misalnya menggoyang-goyangkan kepalanya, bertepuk tangan, menghentak-hentakkan kaki ke tanah. Dan ini tidak berbeda dengan perbuatan orang-orang yang kurang akalnya, bahkan sangat jelas bahawa nyanyian mendorong sekali ke arah itu, bahkan perbuatannya itu seperti perbuatan pemabuk. Oleh sebab itu, pantas kalau larangan keras ditujukan terhadap nyanyian." (Muntaqa Nafis 307)***

Ibnul Qayyim pun menjelaskan dalam Mawaridul Aman halaman 320-322:

> ***"Sesungguhnya ucapan Ibnu Mas'ud yang telah disebutkan tadi menunjukkan dalamnya pemahaman sahabat tentang keadaan hati, amalan-amalannya, sekaligus jelinya mereka terhadap penyakit hati dan obat-obatnya. Dan sungguh, mereka adalah suatu kaum yang merupakan doktor-doktor hati, mereka mengobati penyakit-penyakit hati dengan obat terbesar dan paling ampuh."***

Beliau melanjutkan:

> ***"Ketahuilah bahawa nyanyian bagaikan angin panas yang mempunyai pengaruh amat kuat dalam menebarkan bibit-bibit kemunafikan. Dan kemunafikan tersebut akan tumbuh dalam hati bagaikan tumbuhnya tanaman dengan air."***

Inti pernyataan ini adalah nyanyian itu melalaikan hati dan menghalanginya dari Al Quran dalam upaya pemahaman serta pengamalannya. Kerana sesungguhnya Al Quran dan al ghina' tidak akan bersatu dalam sebuah hati, selamanya. Ya, kerana keduanya memiliki berbagai perbedaan yang menyolok dan sangat bertolak belakang. Al Quran mencegah kita untuk memperturutkan hawa nafsu, menganjurkan kita menjaga kehormatan dan harga diri sebagai hamba Allah dan khalifah-Nya yang mulia, juga mengajak kita menjauhi dorongan-dorongan (syahwat) dan keinginan hawa nafsu serta berbagai sebab kesesatan lainnya.

Al Quran juga melarang kita mengikuti dan meniru langkah-langkah syaitan. Sedangkan al ghina' mengajak kita pada kebalikan dari yang diperintahkan dan dicegah oleh Al Quran. Bahkan al ghina' memperindah pandangan kita terhadap syahwat dan hawa nafsu, mempengaruhi yang tersembunyi sekalipun dan menggerakkannya kepada seluruh kejelekan serta mendorongnya untuk menuju kepada hal-hal yang (dianggap) menyenangkan.

Oleh kerana itu, ketika kita melihat seorang yang memiliki kedudukan terhormat, kewibawaan, dan kecermelangan akal, serta keindahan iman dan keagungan Islam, dan manisnya Al Quran akan tetapi ia senang mendengarkan nyanyian dan cenderung kepadanya, berkuranglah akalnya dan rasa malu dalam dirinya pun mulai menipis, wibawanya lenyap, bahkan kecermelangan akalnya telah pula menjauhinya,. Akibatnya

syaitan bergembira menyambut keadaan ini. Imannya pun mengeluh dan mengadukannya kepada Allah 'Azza wa Jalla dan akhirnya Al Quran menjadi sesuatu yang berat baginya. Lalu ia (iman itu) berdoa kepada Rabbnya: *"Ya Rabbku, jangan Kau kumpulkan aku dengan musuh-Mu dalam hati (dada) yang sama."*

Akhirnya, ia akan menganggap baik hal-hal yang dianggapnya jelek sebelum ia mendengarkan nyanyian dan membuka sendiri rahsia yang pernah dia sembunyikan. Setelah itu ia pun mulai berpindah dari keadaan dirinya yang semula penuh dengan kewibawaan dan ketenangan menjadi orang yang banyak bicara dan berdusta, menggoyang-goyangkan kepala, bahu, menghentakkan kakinya ke bumi, mengetuk-ngetuk kepala, melompat-lompat dan berputar-putar bagai keledai, bertepuk tangan seperti perempuan, bahkan kadang merintih bagai orang yang sangat berduka atau berteriak layaknya orang gila.

Sebahagian orang-orang alim berkata:

> ***"Mendengar nyanyian mewariskan kemunafikan pada suatu kaum, dusta, kekafiran, dan kebodohan."***

Warisan yang paling besar pengaruhnya akibat nyanyian adalah rasa rindu (asyik) terhadap bayangan (gambaran khayal), menganggap baik segala kekejian, dan apabila ini terus berlanjut, akan menyebabkan Al Quran menjadi berat di hati, bahkan menimbulkan rasa benci apabila mendengarnya secara khusus.

Oleh sebab itu, jika hal yang seperti ini bukan kemunafikan, apalagi yang dikatakan hakikat kemunafikan itu? Demikian keterangan **Ibnul Qayyim** rahimahullah.

> ***Adapun rahsia penting tentang hakikat kemunafikan adalah perbedaan atau perselisihan yang nyata antara lahir dan bathin. (Mawaridul Aman halaman 322)***

Penyanyi maupun yang mendengarkannya berada di antara dua kemungkinan. Bisa jadi dia akan membuka kedoknya berbuat terang-terangan sehingga jadilah ia orang yang durhaka. Atau di samping bernyanyi, ia juga menampakkan ibadahnya, akibatnya jadilah ia seorang yang munafik.

Dalam hal terakhir ini, ia menampakkan rasa cintanya kepada Allah dan kampung akhirat, sementara hatinya mendidih oleh gelegak syahwat, kecintaan terhadap perkara yang dibenci oleh Allah dan Rasul-Nya, iaitu suara alat-alat muzik dan permainan-permainan lainnya, serta hal-hal yang diserukan oleh nyanyian. Hatinya pun penuh dengan kejelekan itu dan kosong atau sepi dari rasa cinta terhadap apa yang dicintai Allah dan Rasul-nya. Inilah intinya nifak.

Juga seperti yang telah kita sepakati bahawa iman adalah keyakinan, perkataan, dan perbuatan. Tentunya perkataan dan perbuatan yang haq (taat). Padahal iman itu hanya tumbuh di atas zikrullah dan tilawatil Quran, sedangkan nifak sebaliknya. Ia merupakan perkataan yang bathil dan amalan-amalan sesat dan tumbuh di atas al ghina'.

Salah satu ciri kemunafikan adalah kurangnya zikrullah, malas dan enggan menegakkan solat, kalaupun solat mematuk-matuk seperti burung makan jagung, sangat minim zikirnya kepada Allah. Perhatikan firman Allah mengenai orang-orang munafik ini:

> *"Jika mereka menegakkan solat mereka menegakkannya dalam keadaan malas, mereka ingin pujian dan perhatian manusia dan tidak mengingat Allah kecuali sedikit." (QS. An Nisa': 142)*

Akhirnya, dalam kenyataan saat ini kita tidak dapati mereka yang terfitnah dengan nyanyian melainkan inilah sebahagian di antara sifat-sifat mereka. Dan di samping itu, nifaq juga dibangun di atas dusta dan al ghina' adalah kedustaan yang paling tinggi. Di dalamnya, kejahatan menjadi sesuatu yang menarik dan indah, bahkan tak jarang ia menghiasi lebih indah lagi dan setiap perkara kebaikan terasa jauh, sulit dijangkau, dan sangat jelek. Inilah hakikat kemunafikan. Al ghina' merusak dan mengotori hati, sehingga apabila hati itu telah kotor apalagi rusak, hati akan menjadi lemah dan gampang takluk di bawah kekuasaan kemunafikan.

Ibnul Qayyim meneruskan:

> *"Seandainya mereka yang memiliki bashirah memperhatikan dan membandingkan keadaan orang-orang yang bergelut dengan nyanyian dan mereka yang senantiasa menyibukkan diri dengan zikrullah, nyatalah baginya betapa dalamnya pengetahuan dan pemahaman para sahabat terhadap hati dan penyakit-penyakit serta pengobatannya." (Demikian penjelasan Ibnul Qayyim rahimahullah dalam Mawaridul Aman 322-323)*

Semoga keterangan ini dapat bermanfaat bagi orang yang menginginkan hatinya hidup dan selamat sebagai bekal baginya untuk menghadap Allah ta'ala.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

[1] Orang yang jika mengajarkan sesuatu mudah diterima dan difahami.

HADIS-HADIS SAHIH TENTANG KEHARAMAN MUZIK

Oleh: Drs. Abdul Ghani Azmi b. Hj. Idris rahimahullah

Para Imam Mazhab Empat telah sepakat mengharamkan semua alat-alat muzik, dengan beberapa pengecualian (rebana dalam majlis-majlis perkahwinan dan dua hari raya), berdasarkan hadis-hadis yang warid daripada Rasulullah ﷺ mengenainya.

Akan tetapi ada sebahagian ulama yang memfatwakan hukum yang berlawanan seratus peratus darjah dengannya. Yang terkenal di antaranya ialah Ibn Hazm, tokoh besar Mazhab Ad Zhahiri dalam bukunya yang terkenal "Al Muhalla". Pada zaman moden ini lahir pula beberapa orang ulama yang mengeluarkan fatwa yang serupa itu. Di antaranya yang sangat menonjol ialah Dr. Yusuf Al-Qardhawi di dalam bukunya "Al Halal Wal Haram Fil Islam". Beliau telah berkata: Adapun hadis-hadis nabi yang warid mengenainya (muzik) semuanya penuh dengan tajrih (kecacatan) dan tidak ada satu hadis pun yang terselamat dari kritikan ulama dan fuqaha hadis. Al-Qadhi Abu Bakar Ibn Al-Arabi telah berkata: tidak ada satu hadis pun yang sahih mengenai pengharaman bunyian, manakala Ibn Hazm pula berkata: semua hadis yang warid mengenainya adalah batil dan mauduk belaka". (Al Halal Wal Haram Fil Islam ms. 282)

Pendapat Dr. Yusuf Al-Qardhawi ini tersebar di seluruh dunia Islam melalui bukunya yang terkenal dan sangat besar pengaruhnya di kalangan umat Islam sekarang ini di mana ia diterima pakai dalam kebanyakan pendapat yang diutarakan dalam masyarakat umat, tanpa menoleh lagi kepada pendapat imam mazhab empat dan kepada dasar-dasarnya, seakan-akan pendapat tersebut adalah batil, manakala pendapat Dr. Yusuf Al-Qardhawi adalah suatu kebenaran mutlak yang tidak perlu dikaji dan diragui lagi.

Sesungguhnya pendapat yang mengatakan semua hadis-hadis yang bersangkutan dengan bunyian, muzik dan alat-alat muzik adalah batil dan mauduk belaka, adalah keterlaluan. Ia bukanlah hasil dari satu kajian ilmiah yang mendalam dan matang, tetapi ia tidak lain dan tidak bukan dari satu **taqlid buta kepada Ibn Hazm** dan orang-orang yang serupa dengannya.

Ini adalah kerana menurut kajian yang di buat oleh ulama-ulama dan pengkritik hadis yang muktabar ternyata bahawa sebahagian hadis mengenai masalah ini adalah benar-benar sahih dan bukanlah samuanya batil atau mauduk seperti yang dikatakan.

Di antara hadis-hadis yang sahih ialah:

1. *Imran ibn Husain meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:*

   "Akan berlaku tengelam/gempa/kemusnahan, penukaran rupa (penjelmaan) dan lontaran batu dalam umat ini. Seorang lelaki dari kaum muslimin berkata: Bilakah yang demikian itu akan berlaku wahai Rasulullah ﷺ? Beliau bersabda mafhumnya: "Apabila lahir biduanita-biduanita, alat-alat muzik dan di minum khamar (arak)"

   (H/R Tirmizi dan Ibn Abiddunya. Lafaz hadis ini menurut riwayat Tirmizi. Lihat Sahih Sunan At Tirmizi 1801-2323, Sahih Al-Jaami' As Shaghir 4273 dan Silsilatul Ahadis As Sahihah - Syeikh Mohd Nasiruddin Al-Albani)

2. *Anas ibn Malik رضي الله عنه meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:*

   "Pasti akan berlaku kemusnahan, lontaran dan pengubahan rupa dalam umat ini, iaitu apabila mereka meminum khamar, mengambil biduanita-biduanita dan membunyikan alat-alat muzik."

   (H/R Ibn Abiddunya dalam "Zam Al-Muhalli" Juz 1/1530. Hadis ini juga diriwayatkan oleh Tirmizi dan Ibn Abiddunya daripada Imran ibn Husain. Imam Ahmad dan Ibn Abiddunya meriwayatkan juga daripada Abi Umamah dan ia diriwayatkan juga daripada Abu Hurairah oleh Tirmizi dan Ibn Abiddunya. Sila lihat Sahih Al-Jaami' As Shaghir 5467 dan Silsilatul Ahadis As Sahihah 2023 As-Syeikh Al-Albani)

3. *Imran ibn Husain dan Abu Saaid ﵄ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:*

"Akan berlaku kemusnahan, lontaran dan perubahan rupa di akhir zaman iaitu lahir alat-alat muzik, biduanita-biduanita dan apabila khamar dihalalkan"
(H/R Tirmizi dan Thabarani)

4. *Abu Maalik Al-Asyaari ﵁ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:*

"Orang-orang dari umat ku pasti akan meminum khamar yang mereka namakannya dengan bukan nama khamar, di mainkan alat-alat muzik ke atas kepala mereka dan biduanita-biduanita. Allah akan musnahkan bumi bersama-sama mereka dan menjadikan sebahagian mereka sebagai kera dan babi."

(Hadis Sahih riwayat Ibn Maajah, Al-Baihaqi dan Ibn Asaakir, Ibn Hibban dan Thabarani. Sila lihat Sahih Al-Jaami' As Shaghir 5454, Silsilatul Ahadis As Sahihah 90, 91 dan Sahih Ibn Maajah 3247 – 4020)

5. *Abu Maalik Al-Asyaari ﵁ meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersabda:*

"Akan ada beberapa kaum dari umatku yang menghalalkan zina, sutera (bagi lelaki), khamar dan alat muzik dan beberapa kamu akan turun/berhenti di sudut sebuah bukit yang tinggi. Para penternak datang kepada mereka di waktu petang dengan membawa haiwan-haiwan ternakan mereka kerana sesuatu keperluan, lalu mereka berkata: Datanglah semua menemui kami esok. Lantas Allah (swt) memusnahkan mereka pada waktu malam dan menjatuhkan bukit yang tinggi itu ke atas mereka dan sebahagian yang lain lagi Allah mengubah rupa mereka menjadi seperti kera dan babi sampailah ke hari kiamat."

(H/R Bukhari dalam kitab sahihnya (4/30). Sila lihat Silsilatul Ahadis As Sahihah 1/91/139-147 dan Sahih Al-Jaami'us Shaghir 5466.) Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari di dalam sahihnya secara taklik.

Semua hadis tersebut dengan jelas dan tegas mengatakan keharaman zina, sutera (bagi lelaki), khamar dan alat muzik. Terhadap kaum yang menghalalkan akan ditimpakan Allah dengan kemusnahan, perubahan rupa sampailah ke hari kiamat. Tidak ada hadis – hadis sahih yang mengecualikannya kecuali penggunaan rebana dalam majlis-majlis perkahwinan dan pada dua hari raya.

Sewaktu menjelaskan hadis di atas, Al-Allaamah As Syeikh Muhammad Nasiruddin Al-Albani, seorang ulama hadis di abad ini telah berkata:

Banyak hadis yang warid mengenai pengharaman muzik yang terkenal pada masa itu (masa Nabi ﷺ) seperti gendang (genderang), gambus dan lain-lain. Tidak ada hadis yang warid yang menyalahinya atau pun yang mengtakhsiskannya kecuali rebana / kompang dalam majlis-majlis perkahwinan dan dua hari raya kerana ianya mubah mengikut perincian yang di sebutkan dalam kitab-kitah fiqh. Mengenai ini telah saya sebutkan dalam sanggahan saya terhadap Ibn Hazm. Maka oleh kerana itulah mazhab yang empat sepakat mengharamkan semua alat-alat muzik. Manakala sebahagian mereka mengecualikan gendang peperangan selain rebana dalam majlis-majlis perkahwinan dan dua hari raya itu. Dan sebahagian ulama sekarang memasukkan / menghubungkan ke dalamnya muzik tentera. Pendapat ini tidak mempunyai dasar kerana beberapa sebab:

1. Mentakhsiskan hadis-hadis yang mengharamkan (secara umum) tanpa adanya makhsus (pentakhsis) semata-mata berdasarkan akal fikiran dan istihsan adalah batil.

2. Yang wajib bagi orang-orang Islam dalam masa peperangan ialah menghadapkan hati mereka semata-mata kepada Allah sambil memohon pertolongan untuk mengalahkan musuh. Yang demikian lebih kuat pengaruhnya bagi ketenteraman jiwa dan lebih menguatkan hubungan hati dengan Allah Taala. Penggunaan muzik adalah di antara perkara yang merosakkan hati dan memalingkan mereka dari menyayangi tuhan mereka. Allah Taala berfirman mafhumnya: *" Wahai orang–orang yang beriman! Apabila kamu memerangi pasukan musuh, maka teguhkanlah hati kamu dan sebutlah nama Allah sebanyak-banyaknya supaya kamu beruntung"* (Al Anfaal: 45).

Penggunaan alat-alat muzik adalah sebahagian dari adat dan tradisi orang-orang kafir yang tidak beriman dengan Allah dan hari akhirat dan tidak pula mengharamkan apa-apa yang telah diharamkan Allah dan Rasul-Nya dan tidak pula beragama dengan agama yang benar.

Justeru, kita tidak harus menyerupai mereka, terutamanya dalam perkara-perkara yang diharamkan Allah secara umum seperti muzik ini.

Saudara sekalian, janganlah hendaknya terpedaya dengan apa yang didengar daripada sebahagian ulama fiqh yang masyur sekarang ini yang berpendapat halalnya alat-alat muzik dan muzik itu, kerana mereka sebenarnya mengeluarkan fatwa secara taqlid dan mereka membantu kecenderungan dan keinginan manusia sekarang ini.

Kepada siapakah mereka bertaqlid? Tidak lain kecuali kepada Ibn Hazm (semoga diampuni kesilapannya) apabila beliau membolehkan dan menghalalkan alat-alat muzik dan hiburan kerana menurutnya hadis Abu Maalik Al-Asyaari tidak sahih sedangkan anda telah mengetahui bahawa hadis tersebut adalah benar-benar sahih.

Pendapat Ibn Hazm ini lahir kerana kelemahannya dalam ilmu hadis seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Apakah gerangan yang mendorong mereka mengikuti pendapat Ibn Hazm dengan meninggalkan pendapat imam-imam yang empat (Maalik, Abu Haanifah, Syafie dan Ahmad) pada hal mereka lebih faqih dari Ibn Hazm, lebih alim, lebih

ramai bilangannya dan lebih kuat hujjahnya?. Jika yang mendorong mereka bertaqlid kepada Ibn Hazm kerana semata-mata pentahqiqan ilmi maka tidak siapa yang akan mengkritik mereka. Pengertian tahqiq ilmi seperti yang di ketahui ialah mereka hendaklah mengikuti semua hadis yang warid dalam bab ini, mempelajari jalan-jalan dan perawi-perawinya dan kemudian menghukum hadis-hadis itu mengikut yang patut, sama ada sahih, hasan atau dhaeef. Kemudian apabila ada di antaranya yang sahih, mereka hendaklah mempelajarinya dari sudut dilalahnya, fiqhnya, umumnya dan khususnya berdasarkan kaedah-kaedah ilmu usul hadis dan usul fiqh..

Jika mereka telah berbuat demikian, mereka mendapat pahala dan tidak ada sesiapa yang dapat mengkritik mereka. Akan tetapi, demi Allah mereka tidak melakukan sesuatu apa pun! Apabila mereka dihadapkan kepada sesuatu masalah, mereka akan melihat kepada pendapat-pendapat para ulama mengenainya. Kemudian mereka mengambil mana yang lebih mudah atau yang lebih mendatangkan maslahat-maslahat menurut anggapan mereka tanpa melihat apakah pendapat itu selaras dengan dalil dari Al-Kitab dan As Sunnah As Sahihah. Tidak diketahui berapa banyak mereka telah mensyariatkan untuk orang ramai dengan cara ini – atas nama syariat Islam pada hal Islam bersih darinya. (Silsilatul Ahadis As Sahihah ms 139 – 147 Jilid 1/91 - Syeikh Al-Albani)

Sungguhpun Islam itu adalah agama Allah, semuanya mestilah di dasarkan kepada kitab sucinya dan kepada keterangan–keterangan Rasul-Nya. Jika ada, kemudian barulah ijtihad berdasarkan kaedah-kaedah yang telah ditetapkan. Mana-mana pendapat yang berlawanan dengan dalil, baik Al-Quran ataupun Al-Hadis, dengan sendirinya bathil dan mardud (ditolak).

Hukum Muzik

Syeikh Abdul Aziz bin Abdullah bin Baz Rahimahullah

Sesungguhnya mendengarkan lagu-lagu itu adalah haram dan suatu kemungkaran, dan juga termasuk salah satu penyebab penyakit hati. Kekerasan hati dan berpalingnya ia dari zikir kepada Allah dan solat.

Sebahagian ulama menafsirkan firman Allah SWT.

> ***"Dan di antara manusia (ada) orang yang mempergunakan perkataan yang tidak berguna)." (Qs. Lukman: 6)***

Bahawa yang dimaksud dengan *"perkataan yang tidak berguna"* dalam ayat ini adalah lagu-lagu. Abdullah bin Mas'ud r.a. bersumpah bahawa yang dimaksud dengan "perkataan yang tidak berguna" adalah lagu-lagu. Dan bila lagu-lagu ini disertai dengan alat-alat muzik seperti biola, gitar, gendang dan lain sebagainya, maka keharamannya semakin tegas. Sebahagian ulama menyebutkan bahawa lagu-lagu yang disertai dengan alat-alat muzik hukumnya haram berdasarkan ijma' para ulama. Jadi kita harus berhati-hati dalam perbuatan ini.

Dalam hadis sahih Rasulullah shallallahu 'alahi wa sallam bersabda:

> ***"Akan ada dari umatku nanti suatu kaum yang menghalalkan perzinaan, sutera, khamar dan alat muzik."***

Saya wasiatkan kepadamu dan kepada yang lain untuk mendengarkan siaran Al-Qu'ran Al-Karim, ceramah-ceramah dan suara keagamaan lainnya. Kerana banyak manfaat dan menyibukkan diri dari mendengarkan lagu dan muzik.

Adapun yang disyariatkan dalam upacara pernikahan adalah memukul *duf* (rebana) yang disertai dengan lagu biasa yang tidak mengajak kepada sesuatu yang diharamkan dan tidak pula pujian terhadap sesuatu yang haram, yang dirayakan pada suatu malam khusus untuk wanita, dengan tujuan mengumumkan pernikahan itu dan untuk membezakannya dengan pernikahan yang syar'i sebagaimana yang dijelaskan dalam hadis sahih tentang itu dari Rasulullah.

Adapun *thubl* (gendang) tidak boleh dipukul pada saat pesta perkahwinan, cukup duf sahaja. Dan tidak boleh menggunakan pembesar suara dalam mengumumkan suatu pernikahan, dan juga tidak boleh melantunkan lagu-lagu yang dianggap biasa namun mengandung fitnah besar, akibat yang jelek dan ganguan kepada orang-orang muslim.

Dan juga tidak boleh terlalu lama. Tetapi cukup bahawa pernikahan itu telah diketahui oleh umum. Kerana dengan memperpanjang waktu pesta itu termasuk perbuatan orang-orang munafiq.

Berikut ini adalah dalil-dalil yang menunjukkan haramnya lagu yang dinukil dari perkataan dan pendapat salafus-soleh (orang-orang soleh dahulu) semoga Allah meredhai mereka.

- Abu Bakar Ash-shiddiq semoga Allah meridhainya berkata: ***"lagu dan muzik adalah seruling syaitan"***.
- Imam Malik bin Anas semoga Allah meridhainya berkata: ***"lagu-lagu itu hanya dilakukan oleh orang-orang fasik di antara kita"***.
- Orang-orang **Syafieyyah** (pengikut mazhab Syafie) berkata: ***"lagu sama dengan kerusakan dan kebatilan".***
- Imam Ahmad semoga Allah meramatinya berkata: ***"lagu itu menimbulkan kemunafikan dalam hati, jadi saya tidak tertarik"*** .
- Sahabat-sahabat Imam Abu Hanifah semoga Allah merahmati mereka berkata: ***"menyemak lagu adalah suatu kefasikan."***
- Umar bin Abdul Aziz semoga Allah merahmatinya berkata: ***"lagu itu awalnya dari syaitan dan akhirnya dapat murka Allah".***
- Imam Qurthubi semoga Allah merahmatinya berkata: ***"lagu itu dilarang berdasarkan Al-Quran dan Sunnah".***
- Imam Abu Sholah semoga Allah merahmatinya berkata: ***"lagu yang diiringi muzik diharamkan berdasarkan 'ijma (kesepakatan ulama)."***
- Abdullah bin Mas'ud r.a: ***"Nyanyian itu dapat menyebabkan kemunafikan dalam hati."***
- Al-Qasim bin Muhammad: ***"Menyanyi itu termasuk perbuatan batil dan setiap yang batil bagiannya adalah neraka."***
- Imam Syafie: ***"Menyanyikan nyanyian adalah perbuatan sia-sia yang dibenci dan menyerupai kebatilan dan kesia-siaan."*** **Serta dalam kitabnya Al-Qadha' beliau berkata:** ***"Nyanyian adalah kesia-siaan yang dibenci, bahkan menyerupai perkara batil. Barangsiapa memperbanyak nyanyian maka dia adalah orang dungu, syahadat (kesaksiannya) tidak dapat diterima."***
- Para pengikut Imam Abu Hanifah: ***"Mendengar nyanyian itu termasuk perbuatan fasik dan tenggelam dalam keasyikannya merupakan kekufuran."***

Nyanyian dan muzik merupakan dua pintu yang dilalui syaitan untuk merusak hati dan jiwa.

Kaitannya dengan hal itu,

Imam **Al-Hafiz Ibnu Qayyim al-Jauziyyah** berkata:

"Di antara tipu daya syaitan - musuh Allah - dan di antara jerat yang dipasangnya untuk orang yang sedikit ilmu, akal dan agamanya, sehingga orang yang bersangkutan tersebut terjebak kedalamnya untuk mendengarkan syair dan nyanyian yang diiringi muzik yang diharamkan. Satu hal yang menghairankan adalah sebahagian manusia yang mengaku memiliki konsentrasi untuk ibadah justeru telah menjadikan nyanyian, tarian dan lagu-lagu lain sebagai wahana untuk beribadah sehingga mereka meninggalkan Al-Quran."

Ibnu Qayyim dalam kitabnya *"Ighatsatul-Lahfan min Mashayidisy-Syaitan"* menamai nyanyian seperti itu dengan sepuluh nama, iaitu: lahwun (main-main), laghwun (pekerjaan sia-sia), zuur (kebatilan), muka (siulan), tasydiah (tepuk tangan), ruqyatuz-zina (jimat dalam perzinahan), pedomannya syaitan, penumbuh nifak di dalam hati, suara kedunguan, suara yang penuh dosa, suara syaitan atau seruling syaitan.

Tasyabbuh (Meniru) Orang-Orang Kafir Dan Orang-Orang Barat Dalam Berpakaian Dan Mendengarkan Alat-Alat Muzik Serta Perbuatan Mungkar Lainnya. Nabi Shallallahu 'alaihi wa sallam telah bersabda.

"Siapa yang menyerupai suatu kaum maka ia termasuk golongan mereka"

[Hadis ini dikeluarkan oleh Ahmad 2/50 dan 92 dari Ibnu Umar dan isnadnya Hasan. Diriwayatkan oleh Ath-Thahawi dalam Musykil Al-Atsar 1/88 dari Hassan bin Athiyah, Abu Nu'aim dalam Akhbar Ashbahan 1/129 dari Anas, meskipun ada pembicaraan padanya, tetapi dengan jalan-jalan tadi, hadis ini derajatnya Sahih, insya Allah.]

Nasyid Islami

Cobaan nasyid dengan label **"Islami"** telah menimpa kaum Muslimin sejak lama. Pada zaman **Imam Syafie**, nasyid tersebut dinamakan **at-taghbir** atau **qashidah sufiyah** atau **qashidah zuhudiyyah**, sedangkan masa sekarang ini disebut "Nasyid Islami'. Pertama kali nasyid hanya dibawakan bagi kalangan terbatas pada acara-acara tertentu, lalu berkembang disertai tabuhan papan dan gendang dan dinyanyikan oleh kaum lelaki yang selanjutnya sekarang bermunculan grup-grup nasyid khusus yang terekam suaranya dalam kaset. Dan tidak hanya dalam acara pernikahan, namun nasyid pun kemudian merambah ke acara keagamaan dengan alasan sebagai sarana dakwah.

Di sisi lain, kita mendapati bahawa semakin banyak pemuda pemudi yag malas menghafalkan Al-Quran **dengan alasan tidak ada kesempatan** dan sibuk dengan kegiatannya. Juga ada beberapa orang yang mengadu kepada ALLAH kerana tidak boleh memelihara diri dengan kesibukannya atas nasyid-nasyid ini, kerana memang banyak sekali kerusakan yang ditimbulkan oleh nasyid, antara lain:

- Menghabiskan waktu.
- Melakukan penyerupaan dengan muzik dari **Barat dan Timur**, terutama **kaum Nasrani.**
- Menyerupai kebiasaan orang-orang **sufi suka melagukan zikir.**
- Melibatkan anak-anak kecil dan gadis yang belum baligh dengan suaranya yang menarik.
- Mengganti bacaan Al-Quran dan As-Sunnah dengan lagu dan nasyid, sehingga **di mana-mana nasyid sudah menggeser bacaan Al-Quran.**
- Sering menggunakan beberapa **instrumen muzik.**
- Munculnya beberapa kumpulan nasyid sebagai kerjaya, dan sebahagian di antaranya adalah kaum lelaki.
- Seringkali dalam nasyid terdapat kata-kata dusta, perumpamaan atau penggambaran yang melampaui batas.

Padahal jika kita mahu menyemak, ALLAH telah memperingatkan dalam Kalam-Nya yang mulia:

> ***"Dan apakah tidak cukup bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu Al-Kitab, sedangkan dia dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya dalam (Al-Quran) itu terdapat rahmat yang besar dan pelajaran bagi orang yang beriman"*** (Q.S. Al-Ankabut: 51)

Dalam tafsirnya, Syeikh Ibnu Sa'dy berkata: "Semua itu **sudah cukup** bagi orang yang menginginkan kebenaran dan berbuat untuk mencari kebenaran. Namun ALLAH tidak mencukupkan bagi orang yang tidak merasa cukup dengan Al-Quran dan Dia juga tidak memberikan kesembuhan kepada orang yang merasa tidak cukup

mengambil obat dari Al-Quran. Siapa yang merasa cukup dengan Al-Quran dan menjadikannya sebagai petunjuk, maka dia mendapatkan rahmat dan kebaikan. Kerana itulah, ALLAH berfirman, 'Sesungguhnya dalam (Al-Quran) itu terdapat rahmat yang besar dan pelajaran bagi orang-orang yang beriman'. Pasalnya, di dalam Al-Quran boleh didapatkan ilmu yang banyak, kebaikan yang melimpah, pensucian bagi hati dan ruh, membersihkan akidah dan menyempurnakan akhlaq, di dalamnya terkandung pintu-pintu Ilahi dan rahsia-rahsia Robbani".

Dalam sebuah hadis Rasulullah ﷺ bersabda:

> ***"Lebih baik rongga seseorang di antara kalian diisi nanah daripada dia memenuhinya dengan sya'ir".*** (HR. Muslim)

Ibnu Hajar menyatakan bahawa hadis ini **sangat mencela syair dan menghardik orang-orang yang menyibukkan diri dengan syair** agar lebih memperhatikan Al-Quran. Padahal dalam sebuah hadis disebutkan bahawa setiap huruf Al-Quran ada sepuluh kebaikan, sehingga sungguh merugi dan celakalah orang-orang yang menghabiskan waktu siang dan malamnya untuk kepentingan nasyid itu. Mereka melupakan hadis:

> *"Bukan termasuk golongan kami orang yang tidak melagukan Al-Quran"* (HR. Bukhari).

Menurut Al-Qurthuby ertinya melagukannya agar dapat melalaikan yang lain. Ini juga merupakan penakwilan Al-Bukhari tentang ayat di atas.

Mengingat ruh dapat menguat kerana hikmah dan pelajaran yang didengarnya serta membuatnya dapat hidup, maka ALLAH mensyari'atkan hamba-hamba-Nya untuk mendengarkan hal-hal yang dapat menguatkan hati dan menambah iman, yang terkadang pensyariatan itu hukumnya wajib, seperti mendengarkan Al-Quran, zikir dan nasihat pada hari Jumat saat khutbah dan mendengarkan bacaan Al-Quran saat solat jahr.

Sesungguhnya jika hati meyakini keagungan apa yang didengarnya dan memikirkan apa yang dikandung Al-Quran, tentu ia akan **gemetar kerana takut kepada ALLAH.** Abu Sa'id Al-Khazzaz berkata, "Siapa mencintai ALLAH, bererti dia mencintai Kalam-Nya, sehingga dia tidak merasa kenyang membacanya". Dan perkataan Syeikhul Islam ibnu Taimiyah yang memuji sikap Imam **Asy-Syafie** yang meninggalkan at-taghbir: "Ini termasuk kesempurnaan pengetahuan Asy-Syafie dan ilmunya tentang agama. Sesungguhnya jika hati terbiasa mendengar qashidah dan bait-bait syair serta menikmatinya, tentu ia akan menghindar dari mendengarkan ayat-ayat Al-Quran. Dia lebih suka mendengarkan perkataan syaitan daripada mendengarkan perkataan ALLAH "

Penulis menukil penjelasan **Syeikh Albani** dalam bukunya **"Pengharaman Alat-alat Muzik"**, bahawa kaum sufi banyak menyanyikan lagu kerana **dorongan hawa nafsu dan kebodohan terhadap tipu daya syaitan**, kerana hal tersebut adalah cara haram untuk mendekat kepada ALLAH. Apapun namanya 'nasyid religius' itu, entah dengan cara mendengarnya atau menyemaknya, lagu tersebut merupakan hal baru yang

diada-adakan, yang tidak pernah dikenal pada abad-abad yang diketahui sebagai abad yang diwarnai dengan kebaikan.

Ibnu Taimiyah berkata, "Secara pasti sudah diketahui dalam Islam bahawa Nabi Rasulullah ﷺ **tidak mensyari'atkan** kepada orang-orang yang soleh dari umat ini, ahli ibadah dan zuhud untuk berkumpul mendengarkan bait-bait syair yang dilantunkan dengan tepuk tangan atau tabuhan gendang, sebagaimana beliau melarang seseorang mengikuti apa-apa yang biasa dilakukan ahli hikmah, baik yang berkaitan dengan urusan zhahir atau batin, baik bagi orang awam atau orang khusus". Dan Syeikh ALbani menjelaskan bahawa majlis zikir orang sufi yang di dalamnya dilantunkan lagu-lagu itu pantas dinamakan majlis dendang lagu dan **bukan majlis zikir** seperti sangkaan mereka, atau majlis nyanyian dan bukan majlis membaca Al-Quran.

Pada halaman selanjutnya, penulis membawakan fatwa dari **Syeikh Shalih bin Fauzan al-Fauzan** yang intinya bahawa **penamaan nasyid Islami** merupakan penamaan baru. Di seluruh kitab orang-orang salaf ataupun pernyataan para ulama, tidak ada nama nasyid Islami. ALLAH mensyariatkan zikir kepada-Nya, membaca Al-Quran dan mempelajari ilmu yang bermanfaat, adapun nasyid itu berasal dari agama orang sufi yang memang biasa membuat bid'ah, **menjadikan agama mereka sebagai permainan dan senda gurau.**

Selanjutnya dibawakan pula fatwa dari **Syeikh Muhammad bin Shalih bin Al-Utsaimin** bahawa jika nasyid itu dilantunkan apa adanya tanpa dendangan dan tanpa diiringi tabuhan alat muzik, maka tidak ada salahnya jika mendengarnya. Tapi dengan syarat, seseorang **tidak boleh menjadikannya sebagai kebiasaan** dan hatinya tidak boleh bergantung kepadanya, sehingga tidak boleh mengambil manfaat kecuali dengan sambil mendengar nasyid, kerana memang nasyid ini adalah buatan orang sufi, sehingga harus ditinggalkan dan kembali kepada Al-Quran dan As-Sunnah, kecuali jika berada di medan jihad untuk membakar semangat, maka hal ini bagus.

Syeikh Ahmad bin Yahya bin Muhammad An-Najmy memberi fatwa bahawa tidak diragukan lagi nyanyian pada zaman sekarang ini -yang katanya untuk membangkitkan hati- adalah sebenarnya tidak membangkitkan kecuali **keinginan terhadap dunia dan menghindari akhirat, merusak akhlak dan ilmu.** Kemudian masih ada dua fatwa lagi mengenai bid'ahnya nasyid Islami ini yang dapat Anda baca di halaman selanjutnya.

Pada bagian akhir, dijelaskan bahawa **gerakan hati** secara sempurna bagi orang yang berakal itu bersumber dari **mendengarkan Al-Quran**, terutama untuk menyembuhkan hati yang sakit, meskipun tidak setiap orang layak mendapat taufik untuk mencari kesembuhan dengan Al-Quran. Dan *dinafikan* pula oleh Ibnul Qoyyim mengenai penyembuhan hati lewat tangan para pujangga, penyair, penutur cerita atau pada penyanyi nasyid Islami, kerana mereka hanya akan menambah sakit.

Dalam bagian penutup, penulis menyajikan **fatwa Syeikhul Islam ibnu Taimiyah** mengenai **mendengarkan yang sesuai dengan syar'i**, iaitu dengan mendengarkan Al-Quran, kerana inilah perbuatan para nabi, orang-orang yang berilmu, dan orang-orang Mukmin. Islam sudah diturunkan dengan sempurna, sehingga Rasulullah ﷺ

tidak akan mengabaikan kemaslahatan agama dan tidak akan melupakan sesuatu yang dapat mendekatkan orang Mukmin kepada ALLAH. Dan bagi orang yang terkena cobaan nasyid ini, penulis memberikan cara penyembuhannya, sampai kemudian beliau menutup risalah ini dengan memberikan nasihat:

"Engkau akan mendapatkan dari Al-Quran apapun yang engkau kehendaki, baik ilmu, bashiroh, hidayah, ataupun yang lainnya".

Fatwa Ulama Salaf Tentang Nasyid

Soal:

Bagaimana hukum terhadap nasyid yang sekarang ini beredar dan berkembang di tengah-tengah masyarakat. Jika diperbolehkan, apa syarat dan dalilnya apa? Tolong juga sertakan fatwa-fatwa para ulama tentangnya.

Jawab:

Sebelum menjawab pertanyaan tersebut, perlu kami sampaikan bahawa majoriti ulama -termasuk imam empat- berpendapat haramnya memainkan alat muzik. Bahkan dalam hal ini tidak diketahui adanya khilaf (perbedaan pendapat) di kalangan Salaf. Walapun ada sebahagian Khalaf membolehkannya, namun yang benar adalah pendapat Salaf. Di antara dalil yang mereka bawakan ialah:

> *Dari Abdurrahman bin Ghanm Al Asy'ari, dia berkata: Abu 'Amir atau Abu Malik Al Asy'ari telah menceritakan kepadaku, demi Allah dia tidak berdusta kepadaku, dia telah mendengar Nabi bersabda, "Benar-benar akan ada beberapa kelompok orang dari umatku akan menghalalkan kemaluan, sutera, khamr, dan alat-alat muzik. Dan beberapa kelompok orang benar-benar akan singgah ke lereng sebuah gunung dengan binatang ternak mereka. Seorang yang miskin mendatangi mereka untuk satu keperluan, lalu mereka berkata, 'Kembalilah kepada kami besok'. Kemudian Allah menimpakan siksaan kepada mereka pada waktu malam, menimpakan gunung (kepada sebahagian mereka), dan merubah yang lainnya menjadi kera-kera dan babi-babi sampai hari kiamat." [Hadis shahih, riwayat Bukhari dalam Shahih-nya, kitab Al Asyribah; dan lainnya).*

Ibnu Hazm mendhaifkan hadis ini -dan diikuti oleh sebahagian orang sekarang- dengan anggapan, bahawa sanad hadis ini terputus antara Bukhari dengan Hisyam bin 'Ammar. Hal ini tidak benar, kerana Hisyam adalah syeikh (guru) Imam Bukhari. Selain itu banyak perawi lain yang mendengar hadis ini dari Hisyam. [Lihat Tahrim Alat Ath Tharb, hal. 38-51, karya Syeikh Al Albani.]

Maka jika nasyid itu diiringi alat muzik, maka hukumnya haram. Permainan alat muzik yang dikecualikan dari hukum haram, hanyalah rebana yang dimainkan oleh budak jariah pada saat hari raya atau sewaktu walimah pernikahan. Dengan syarat, isi nyanyiannya tidak mengandung kemungkaran atau mengajak kepada kemungkaran

Adapun nasyid yang tidak diringi alat muzik, maka di bawah ini di antara fatwa para ulama sekarang:

Fatwa Syeikh Muhammad Nashiruddin Al Albani

Beliau membicarakan masalah nasyid ini dalam kitab Tahrim Alat Ath Tharb, hal. 182-182. Sebelum menyampaikan masalah nasyid, beliau menjelaskan tentang nyanyian Sufi. Kerana eratnya hubungan antara keduanya. Kami akan meringkas pokok-pokok yang disampaikan Syeikh tentang nyanyian Sufi. Kemudian, kami akan menukilkan penjelasan Beliau tentang nasyid.

Beliau menyatakan, bahawa kita tidak boleh beribadah kepada siapapun kecuali hanya kepada Allah, sebagai realisasi syahadat Laa ilaaha illa Allah. Dan kita tidak boleh beribadah atau mendekatkan diri kepada Allah, kecuali dengan ajaran yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ sebagai realisasi syahadat Muhammad Rasulullah ﷺ. Dan kecintaan Allah hanya dapat diraih dengan mengikuti Nabi Muhammad ﷺ.

Kemudian beliau berkata, "Jika hal ini telah diketahui, maka berdasarkan sabda Nabi: Agama itu nasihat. [HR Muslim dari Tamim Ad Dari.] Aku merasa berkewajiban mengingatkan saudara-saudara kami yang tertimpa musibah (kerana) memperdengarkan atau mendengarkan nyanyian Sufi, atau yang mereka sebut 'nasyid-nasyid keagamaan', dengan nasihat sebagai berikut:

Pertama. Termasuk perkara yang tidak diragukan dan tidak samar oleh seorang 'alim-pun, dari kalangan ulama kaum muslimin yang mengetahui dengan sebenarnya terhadap fiqih Al Kitab dan As Sunnah, serta manhaj Salafush Shalih. Bahawa nyanyian Sufi merupakan perkara baru, tidak dikenal pada generasi-generasi yang disaksikan kebaikannya. [Iaitu generasi sahabat, tabi'in dan tabi'ut tabi'in.]

Kedua. Sesungguhnya, termasuk perkara yang sudah diterima (perkara pasti) di kalangan ulama, bahawa tidak boleh mendekatkan diri kepada Allah kecuali dengan apa-apa yang dibawa oleh Rasulullah ﷺ.

Ketiga. Termasuk perkara yang pasti di kalangan ulama, (iaitu) tidak boleh mendekatkan diri kepada Allah dengan cara-cara yang tidak disyari'atkan oleh Allah, walaupun pada asalnya hal itu disyari'atkan. Contohnya: adzan untuk solat dua hari raya (padahal disyari'atkan adzan hanyalah untuk solat wajib-pen); solat raghaib; shalawat di saat bersin; dan lain-lain.

Jika (ketiga) hal itu telah diketahui, maka mendekatkan diri kepada Allah dengan perkara yang diharamkan Allah (seperti orang-orang Sufi yang bermain muzik untuk mendekatkan diri kepada Allah, pen.) lebih utama sebagai hal yang diharamkan, bahkan sangat diharamkan. Kerana dalam masalah tersebut terdapat penyelisihan dan penentangan terhadap syari'at. Bahkan, pada nyanyian Sufi terdapat perbuatan yang menyerupai orang-orang kafir; dari kalangan Nashara dan lainnya.

Oleh kerana itu para ulama -dahulu dan sekarang- sangat keras mengingkari mereka." [Diringkas dari kitab Tahrim Alat Ath Tharb, hal. 158-163.]

Kemudian Syeikh Al Albani menukilkan perkataan para ulama yang mengingkari nyanyian Sufi tersebut. Setelah itu beliau menjelaskan masalah nasyid, dengan menyatakan, "Dari fashl ke tujuh, telah jelas (tentang) sya'ir yang boleh dinyanyikan dan yang tidak boleh. Sebagaimana telah jelas pada (keterangan) yang sebelumnya, tentang haramnya semua alat muzik, kecuali rebana untuk wanita pada hari raya dan pernikahan.

Dan dari fashl yang terakhir telah jelas, bahawa tidak boleh mendekatkan diri kepada Allah, kecuali dengan apa yang telah di-syari'atkan Allah. Maka, bagaimana mungkin dibolehkan mendekatkan diri kepadaNya dengan sesuatu yang diharamkan?
Oleh kerana itulah, para ulama mengharamkan nyanyian Sufi. Sangat keras pengingkaran mereka terhadap orang-orang yang menghalalkannya.

Jika pembaca dapat mengingat-ingat prinsip-prinsip yang kokoh ini di dalam fikirannya. Maka, jelaslah baginya -dengan sangat nyata- bahawa tidak ada perbedaan hukum antara nyanyian Sufi dengan nasyid-nasyid keagamaan.

Bahkan terkadang, dalam nasyid-nasyid ini terdapat cacat yang lain. Iaitu, nasyid didendangkan dengan irama lagu-lagu tak bermoral, mengikuti kaedah-kaedah muzik dari Barat atau Timur, yang dapat membawa pendengar untuk bergoyang, berdansa, dan melewati batas. Sehingga tujuannya ialah irama dan goyang, bukan semata-mata nasyidnya. Hal seperti ini merupakan penyelewengan yang baru. Iaitu menyerupai orang-orang kafir dan orang-orang yang tidak tahu malu.

Di sebalik itu, juga memunculkan penyimpangan lain. Iaitu menyerupai orang-orang kafir dalam berpaling dan meninggalkan Al-Quran. Sehingga mereka masuk ke dalam keumuman pengaduan Rasulullah ﷺ kepada Allah tentang kaumnya, sebagaimana dalam firman Allah,

Berkatalah Rasul,
"Ya Rabbku, sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini sesuatu yang tidak diacuhkan." (QS Al Furqan:30).

Aku (Syeikh Al Albani) benar-benar selalu ingat dengan baik. Ketika aku berada di Damaskus -dua tahun sebelum hijrahku ke sini (Amman, Yordania)- ada sebahagian pemuda muslim mulai menyanyikan nasyid-nasyid yang bersih (dari penyimpangan). Hal itu dimaksudkan untuk melawan nyanyian Sufi (yang menyimpang), seperti qasidah-qasidah Al Bushiri dan lainnya. Nasyid-nasyid itu direkam pada kaset. Kemudian tidak berapa lama, nasyid-nasyid itu diiringi dengan pukulan rebana. Untuk pertama kalinya, mereka mempergunakannya pada perayaan-perayaan pernikahan, dengan landasan bahawa rebana dibolehkan pada pernikahan.

Kemudian kaset itupun menyebar dan digandakan menjadi banyak kaset. Dan itupun tersebar penggunaannya di banyak rumah. Mulailah mereka mendengarkannya malam dan siang, baik ada acara ataupun tidak. Jadilah hal itu hiburan dan kebiasaan mereka. Tidaklah hal itu terjadi, kecuali kerana dominasi hawa-nafsu dan kebodohan terhadap tipuan-tipuan syaitan. Sehingga syaitan memalingkan mereka dari memperhatikan dan mendengarkan Al-Quran, apalagi mempelajarinya. Jadilah Al-

Quran sebagai sesuatu yang diacuhkan, sebagaimana tersebut di dalam ayat yang mulia tadi.

Al Hafiz Ibnu Katsir berkata di dalam tafsirnya 3/317, "Allah berfirman memberitakan tentang RasulNya, NabiNya, Muhammad, bahawa beliau berkata, 'Ya Rabbku, sesungguhnya kaumku telah menjadikan Al-Quran ini sesuatu yang tidak diacuhkan,' hal itu kerana orang-orang musyrik tidak mahu mendengar Al-Quran dan mendengarkannya; Sebagaimana Allah berfirman,
Dan orang-orang yang kafir berkata,

"Janganlah kamu mendengar Al-Quran ini dengan sungguh-sungguh dan buatlah hiruk-pikuk terhadapnya … " *(QS Fushshilat:26).*

Kebiasaan orang-orang musyrik dahulu, jika dibacakan Al-Quran, mereka memperbanyak kegaduhan dan pembicaraan tentang selain Al-Quran. Sehingga mereka tidak mendengarnya. Maka, ini termasuk sikap mereka yang mengacuhkannya, tidak mengimaninya. Tidak meyakini Al-Quran termasuk mengacuhkannya. Tidak merenungkan dan memahami Al-Quran termasuk mengacuhkannya. Tidak mengamalkan Al-Quran, tidak menjalankan perintahnya, dan tidak menjauhi larangannya, termasuk mengacuhkannya. Dan menyimpang dari Al-Quran kepada selainnya, yang berupa sya'ir, pendapat, nyanyian, permainan, perkataan, atau jalan (teori) yang diambil dari selainnya, termasuk mengacuhkan Al-Quran.

Maka kami mohon kepada Allah Yang Maha Pemurah, Pemberi karunia, Yang Maha Kuasa terhadap apa yang Dia kehendaki, agar membersihkan kita dari apa-apa yang Dia murkai. Memudahkan kita mengamalkan apa yang Dia ridhai. Berupa menjaga kitabNya, memahaminya, dan melaksanakan kandungannya, pada waktu malam dan siang, sesuai dengan maksud yang Dia cintai dan ridhai. Sesungguhnya Dia Maha Pemurah dan Pemberi." [Sampai disini nukilan dari Ibnu Katsir, sekaligus selesailah perkataan Syeikh Al Albani. Tahrim Alat Ath Tharb, hal.182-182.]

Fatwa Syeikh Shalih bin Fauzan Al Fauzan

Syeikh Shalih bin Fauzan Al Fauzan ditanya masalah ini, dengan teks pertanyaan sebagai berikut: Banyak pembicaraan tentang nasyid-nasyid Islami. Disana ada orang yang memfatwakan tentang bolehnya. Dan ada juga yang menyatakan, bahawa nasyid-nasyid Islami itu sebagai ganti kaset-kaset lagu-lagu. Maka, bagaimanakah pendapat anda (wahai Syeikh) yang terhormat?

Beliau menjawab,Penamaan ini tidak benar. Itu merupakan penamaan yang baru. Tidak ada yang dinamakan nasyid-nasyid Islami di dalam kitab-kitab Salaf, dan para ulama yang perkataannya terpercaya. Yang telah dikenal, bahawa orang-orang Sufi-lah yang telah menjadikan nasyid-nasyid sebagai agama bagi mereka. Itulah yang mereka namakan dengan samaa'.

Pada zaman kita, ketika banyak golongan-golongan dan kelompok-kelompok, jadilah setiap kelompok memiliki nasyid-nasyid pemberi semangat. Mereka terkadang memberinya nama dengan nasyid-nasyid Islami. Penamaan ini tidak benar. Berdasarkan ini, maka tidak boleh memiliki nasyid-nasyid ini ataupun meramaikannya di tengah-tengah orang banyak.

Wabillahit taufiq. [Majalah Ad Da'wah, no. 1632, 7 Dzulqa'dah 1418. Dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 37]

Fatwa Syeikh Muhammad bin Shalih Al Utsaimin

Syeikh Muhammad bin Shalih Al Utsaimin ditanya:

Apa hukum mendengarkan nasyid-nasyid? Bolehkah seorang da'i mendengarkan nasyid-nasyid Islami?

Beliau menjawab, Aku sudah lama mendengar nasyid-nasyid islami, dan tidak ada padanya sesuatu yang harus dijauhi. Tetapi, akhir-akhir ini aku mendengarnya, lalu aku mendapatinya (telah) dilagukan dan didendangkan menurut irama lagu-lagu yang diiringi muzik. Maka nasyid-nasyid dalam bentuk seperti ini, aku tidak berpendapat: orang boleh mendengarkannya.

Namun, jika nasyid-nasyid itu spontanitas, dengan tanpa irama dan lagu, maka mendengarkannya tidak mengapa. Tetapi dengan syarat, tidak menjadikannya kebiasaan selalu mendengarkannya.

Syarat yang lain. Janganlah menjadikan hatinya (seolah) tidak memperoleh manfaat, kecuali dengannya, dan tidak mendapatkan nasihat kecuali dengannya. Kerana dengan menjadikannya kebiasaan, maka ia telah meninggalkan yang lebih penting. Dan dengan tidak memperoleh manfaat, serta tidak mendapatkan nasihat kecuali dengannya, bererti ia menyimpang dari nasihat yang paling agung. Iaitu, apa-apa yang tersebut di dalam kitab Allah dan Sunnah RasulNya.

Jika terkadang ia mendengarkannya (nasyid yang tidak mengandung larangan), atau ketika ia sedang menyopir mobilnya di perjalanan, dan ingin menghibur dalam perjalanan, maka ini tidak mengapa.[Kitab Ash Shahwah Al Islamiyyah, hal. 123. Disusun Abu Anas Ali bin Hasan Abu Luz; dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 39]

Di tempat lain beliau berkata,Melagukan nasyid Islam adalah melagukan nasyid yang bid'ah, yang diada-adakan oleh orang-orang Sufi. Oleh kerana inilah sepantasnya meninggalkannya, dan beralih kepada nasihat-nasihat Al-Quran dan As Sunnah.

Demi Allah, kecuali jika hal itu pada tempat-tempat peperangan untuk mengobarkan keberanian dan jihad fii sabilillah, maka ini baik. Jika nasyid itu diiringi dengan rebana (apalagi alat muzik yang lain-pen), maka hal itu lebih jauh dari kebenaran.[Dari

Fatawa Aqidah, hal. 651, no: 369, Penerbit Maktabah As Sunnah; Dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 40.]

Fatwa Syeikh Ahmad bin Yahya bin Muhammad An Najmi

Beliau berkata, Kritikan ke sembilan belas (terhadap manhaj-manhaj dakwah yang ada di kalangan kaum muslimin, pen); Memperbanyak nasyid-nasyid, pada waktu malam dan siang, dan menyanyikannya. Iaitu melagukannya.

Aku tidak mengharamkan mendengarkan sya'ir, kerana Nabi pernah mendengarkannya. Tetapi mereka itu -dalam masalah nasyid- meniti jalan orang-orang Sufi dalam nyanyian mereka -yang menurut anggapan mereka- membangkitkan perasaan.

Ibnul Jauzi telah menyebutkan di dalam kitab Naqdul Ilmi wal Ulama, hal. 230, dari **Asy-Syafie** yang berkata,'Aku meninggalkan Iraq, (sedangkan di sana) ada sesuatu yang diada-adakan oleh Zanadiqah (orang-orang munafiq, menyimpang). Mereka menyibukkan manusia dengannya dari Al-Quran. Mereka menamakannya dengan taghbiir.' (Ibnul Jauzi menyatakan) Abu Manshur Al Azhari mengatakan,'Al Mughbirah ialah satu kaum yang mengulang-ulang dzikrullah, doa, dan permohonan (kepada Allah). Sya'ir tentang dzikrullah yang mereka nyanyikan disebut taghbiir. Seolah-olah ketika orang banyak menyaksikan sya'ir-sya'ir yang dilagukan itu, mereka bergoyang dan berdansa. Maka, merekapun dinamakan mughbirah dengan makna ini.'

Az Zujaj berkata,'Mereka dinamakan mughbirin (orang-orang yang melakukan taghbiir), kerana mereka mengajak manusia zuhud dari barang fana di dunia ini, dan mendorong mereka tentang akhirat.'

Aku (Syeikh Ahmad bin Yahya) katakan: Perkara orang-orang Sufi itu mengherankan. Mereka menyangka mengajak manusia zuhud di dunia ini dengan nyanyian, dan mendorong mereka tentang akhirat dengan nyanyian. Apakah nyanyian itu menyebabkan zuhud di dunia ini, dan mendorong masalah akhirat? Atau sebaliknya itu yang benar?!

Aku tidak ragu, dan semua orang yang memahami dari Allah dan RasulNya tidak meragukan. Bahawasanya nyanyian hanyalah akan mendorong kepada dunia dan menjadikan zuhud terhadap akhirat, juga merusak akhlak.

Dengan tambahan, jika mereka niatkan untuk mendorong tentang akhirat, maka hal itu ibadah. Sedangkan ibadah, jika tidak disyari'atkan oleh Allah dan RasulNya, maka merupakan bid'ah yang baru. Oleh kerana inilah kami katakan: Sesungguhnya nasyid-nasyid adalah bid'ah. [Dari kitab beliau Al Mauridul 'Adzbil Zilal, hal. 196, diberi pengantar oleh Syeikh Rabi' bin Hadi dan Syeikh Shalih Al Fauzan. Dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 42-43.]

Adapun mendengarkan nyanyian-nyanyian yang dilagukan dan qasidah-qasidah yang mengajak zuhud; inilah yang dinamakan pada zaman dahulu dengan taghbiir. Hal itu, sejenis memukul kulit dan menyanyikan qasidah-qasidah yang mengajak zuhud.

Pendapat Syeikh Shalih bin Abdul Aziz Alu Asy Syeikh Dilakukan oleh sekel ompok orang-orang Sufi untuk menyibukkan manusia dengan qasidah-qasidah yang mendorong kepada negeri akhirat dan zuhud di dunia, meninggalkan nyanyian (umum), kemaksiatan, dan semacamnya.

Para ulama telah mengingkari taghbiir dan mendengarkan qasidah-qasidah yang dilagukan, yakni dengan lagu-lagu bid'ah. Lagu-lagu orang-orang Sufi yang menyerupai nyanyian. Para ulama memandangnya termasuk bid'ah. Alasan, bahawa hal itu bid'ah, (sudah) jelas. Kerana hal itu ditujukan untuk mendekatkan diri kepada Allah. Padahal sudah diketahui, bahawa mendekatkan diri kepada Allah tidak boleh kecuali dengan apa yang Dia syari'atkan. Inilah qasidah-qasidah yang dilakukan pada zaman dahulu. Dan pada zaman sekarang diambil oleh orang-orang Sufi. Ini adalah bid'ah, yang diada-adakan. Tidak boleh melembutkan hati dengannya. [Dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 44.]

Fatwa Syeikh Bakr Abu Zaid

Beribadah dengan sya'ir dan bernasyid dalam bentuk zikir, doa, dan wirid-wirid merupakan bid'ah yang baru. Pada akhir-akhir abad dua hijriyah, orang-orang zindiq memasukkannya ke dalam kaum muslimin di kota Baghdad dengan nama taghbiir. Asalnya dari perbuatan Nashara dalam peribadahan-peribadahan mereka yang bid'ah dan nyanyian-nyanyian mereka.

Bahkan jelas bagiku, bahawa beribadah dengan menyanyikan sya'ir, mengucapkannya sebagai mantra, termasuk warisan-warisan paganisme Yunani sebelum diutusnya Nabi Isa. Kerana kebiasaan orang-orang Yunani dan orang-orang musyrik yang lain mendendangkan nyanyian permohonan perlindungan dan mantra-mantra kepada Hurmus di majlis-majlis zikir.

Maka lihatlah, bagaimana bid'ah ini menjalar kepada orang-orang Sufi yang bodoh dari kalangan kaum muslimin dengan sanad paling rusak yang dikenal dunia, iaitu orang zindiq, dari orang Nashrani, dari orang musyrik. Setelah ini, bolehkah seorang muslim menjadikan nasyid sebagai wirid, tugas dalam zikir, hijb, dan mantra? [Dari kitab Tash-hihud Du'a, hal. 96; dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 45.]

Sebelumnya, beliau juga menyebutkan bid'ah-bid'ah yang banyak dilakukan oleh orang-orang yang berzikir dan berdoa, sebagai berikut:

- Bergoyang, bergerak, dan bergoncang di saat zikir dan doa, sebagaimana perbuatan orang-orang Yahudi.
- Zikir dan doa dengan lagu-lagu dan irama-irama, sebagaimana perbuatan orang-orang Yahudi.

- Zikir dan doa dengan keras dan teriakan, sebagaimana perbuatan orang-orang Sufi yang sesat.
- Beribadah dengan sya'ir dan bernasyid, sebagaimana perbuatan orang-orang Sufi yang sesat.
- Tepuk tangan bersama zikir dan doa, sebagaimana perbuatan orang-orang musyrik, dan orang-orang Sufi yang sesat mengambil dari mereka.

  [Dari kitab Tash-hihud Du'a, hal. 78; dinukil dari Al Qaulul Mufid Fii Hukmil Anasyid, hal. 46.]

Sumber: Majalah As Sunnah Edisi 12/Tahun VI/1423H-2003M.

NYANYIAN YANG DIBOLEHKAN

1. Nyanyian hari raya. Aisyah meriwayatkan sebagai berikut:

   "Rasulullah ﷺ masuk menemui Aisyah. Di dekatnya ada dua orang gadis yang sedang memukul terbang. Dalam riwayat lain dikatakan: di dekat saya ada dua orang gadis yang sedang menyanyi. Lalu Abu Bakar membentak mereka, maka Rasulullah ﷺ bersabda: biarkan mereka kerana setiap kaum mempunyai Hari Raya dan Hari Raya kita adalah hari ini." *(HR. Bukhari).*

2. Nyanyian yang diiringi duff pada waktu perkahwinan dengan maksud memeriahkan atau mengumumkan akad nikah dan mendorong orang untuk nikah. Itu hanya sebentar sahaja dan oleh budak jariah.

   Sabda Nabi ﷺ:

   فصل ما بين الحلام والحرام ضرب الدف والصوت في النكاح. رواه أحمد

   "Yang membedakan antara halal dan haram adalah memukul duf dan nyanyian waktu nikah." *(HR. Ahmad)*

Abu Bakar Ash-shiddiq semoga Allah meridhainya berkata:

"…lagu dan muzik adalah seruling syaitan".

Sabda Rasulullah ﷺ:

"Sesungguhnya syaitan lari dari rumah yang di dalamnya dibacakan surat Al-Baqarah." *(HR. Muslim).*